

15/06/2003

`Biar orang nilai keikhlasan kita'

Azhar Abu Samah

KETUA Penerangan Umno, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob sudah selesai

`turun

padang' bagi menilai persiapan Umno bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Dalam pertemuan dengan beliau di rumahnya di Kelana Jaya, Selangor, Khamis lalu, beliau memuji persediaan Johor, Negeri Sembilan dan Sabah dan tidak kurang melahirkan rasa gusar dengan `kemelut' dalaman Umno di Kelantan dan Kedah.

Pada temu bual yang berlangsung dalam suasana santai bersama wartawan Berita Minggu, AZHAR ABU SAMAH dan ISMAIL MAT, beliau turut menyentuh mengenai pengunduran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Oktober ini dan mahu semua pihak menghormati keputusan Presiden Umno itu.

BAGAIMANA Tan Sri melihat kedudukan Umno ketika ini berbanding situasi pada 1999?

Suasana pada 1999 tidak banyak bezanya dengan 1990. Pada 1990, kita hadapi masalah kerana Umno berpecah sehingga sebahagian ahli keluar yang membawa kepada tertubuh Parti Melayu Semangat 46. Selain itu, Barisan Nasional (BN) juga ditikam dari belakang oleh Parti Bersatu Sabah (PBS) menjelang pilihan raya.

Namun pada 1995, kita bangun semula dan berjaya mendapat kemenangan dengan majoriti yang besar. Pada 1999, senario pada 1990 wujud lagi berikutan kes Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ramai pengikut beliau yang masuk Umno bersamanya, keluar menubuhkan Parti Keadilan Nasional (Keadilan). Masalah yang ditimbulkan oleh Keadilan ketika itu sungguh merumitkan untuk diterangkan kepada rakyat masa itu. Ia tidak semudah meyakinkan ahli Semangat 46. Keadaan itu menyebabkan kita menghadapi cabaran paling sengit.

Pada masa yang sama juga kita tidak kenal musuh kita di kalangan ahli Umno yang timbul akibat terhakis keyakinan mereka terhadap parti kerana salah faham terhadap isu terbabit. Situasi itu yang menyaksikan kita kalah

atau mencatat majoriti menurun. Macam di Parlimen Pasir Salak, daripada majoriti 17,000 pada 1995, Tan Sri Ramli Ngah Talib hanya menang 5,000 undi, hilang 12,000 undi. Tan Sri Zaleha Ismail di Parlimen Gombak pernah

menang majoriti 31,000 undi tetapi tinggal tak sampai 1,000 undi sekarang.

Begitu juga di Shah Alam, daripada majoriti 30,000 undi turun kepada tidak

sampai 2,000 undi.

Adakah faktor sama turut menyebabkan Terengganu jatuh kepada Pas?

Kejatuhan Terengganu ketika itu lebih kepada disebabkan soal penerimaan

pucuk pimpinan lama kerana ketika itu rakyat Terengganu dahagakan

pemimpin

baru, bukan sebab Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad tak berjasa tetapi mereka berkehendakkan sangat seorang pemimpin baru. Kita tahu, ketika nama Wan Mokhtar tiada dalam senarai, rakyat Terengganu bukan main gembira, hingga

setiap kampung naikkan bendera Umno, tapi bila tengok namanya ada (dicalon

semula), ahli Umno Terengganu keliru, hingga ada cawangan Umno turun bendera parti sendiri dan menaikkan bendera Pas. "Very artificial wave at

the last minute" ketika itu.

Selepas kepemimpinan baru sekarang ini, kita lihat Umno Terengganu berkembang dengan elok. Kita belum tahu sama ada rakyat Terengganu sudah kembali kepada Umno seperti sebelumnya, tetapi ahli Umno nampaknya bersatu

padu dan menerima pimpinan Datuk Idris Jusoh. Senang hendak kerja kalau there is only one leader.

Sesungguhnya keadaan sekarang sudah jauh berbeza berbanding situasi 1999. Bagi negeri lain, rata-rata saya melihat semuanya bersemangat untuk

menghadapi pilihan raya, terutama di Sabah, Johor dan Negeri Sembilan. Yang jadi tanda tanya ialah sama ada calon yang dipilih itu bersesuaian atau tidak, calon itu ada masalah dalam kawasan atau tidak. Dari segi persediaan, memang mereka bersedia. Cuma di Kedah saya dapati gerak kerja

nampak kurang sikit dan ada masalah di setiap bahagian, ini termasuk Kulim

Bandar Baru, Baling dan Sungai Petani. Bagi negeri lain alhamdulillah kecuali di Kelantan kerana masalahnya tidak ramai boleh terima Ketua Perhubungan Umno Kelantan, Pengerusi Datuk Mustapa Mohamed sebagai the only one leader.

Ada pihak berpendapat selagi Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat jadi

Menteri Besar Kelantan dan dengan peribadi dan pendekatannya ketika ini, agak sukar untuk Umno rampas balik Kelantan?

Kita pandang dari sudut apa? Kalau rakyat Kelantan memikirkan yang alim

dan beramal ibadat saja cukup untuk Kelantan, maka Nik Aziz akan kekal Menteri Besar sampai bila-bilalah, tapi kalau mereka berfikir mengenai dunia dan akhirat, maknanya akhirat nak kita sediakan dan dalam dunia ini

harus gunakan kebijaksanaan kita dari segi pembangunan, infrastruktur, pelajaran anak-anak dan kemudahan asas, maka kemungkinan kita boleh tumbangkan kerajaan Nik Aziz. Ini juga tertakluk kepada kebijaksanaan Umno

Kelantan.

Pada masa sama, kita tengok Umno Kelantan hadapi banyak masalah?

Itu saya tidak mahu komen, sebab itu saya tidak suka cakap keburukan parti kita atau parti lawan. Bagi saya, kalau kita tinggal dalam sebuah kampung, rumah kita bersih, sedap mata memandang, jiran pun datang, tapi kalau dalam rumah kita bergaduh siang malam, terpekik terlolong, kotor, tak bersih, jiran pun tak mahu datang. Kita kena betulkan rumah kita supaya aman damai, orang lain akan minat. Yang parti-partilah, tetapi yang

atas pagar kena juga ambil kira kerana ada Melayu yang benci Umno dan Pas.

Saya tahu seorang pegawai daerah, dia benar-benar seorang kakitangan kerajaan yang tulen. Kalau dia hadiri majlis dan tengok ada mirip acara parti politik tidak kira Pas atau Umno, dia akan balik. Dia kata, saya minta maaf, saya orang kerajaan saya tidak boleh terbabit dengan urusan parti sebab saya kakitangan kerajaan.

Di Pahang pula, tidakkah isu kasino boleh memberi masalah kepada Umno Pahang? Mampukah Umno menghalang Pas yang bercita-cita merampas Pahang kelak?

Di Pahang, kita ada tiga pemimpin besar. Penonjolan Datuk Seri Adnan Yaakob tidak begitu ketara kerana negeri itu ada Datuk Seri Najib Razak dan Tan Sri Khalil Yaakob. Pada saya, Pahang sudah bersedia untuk hadapi pilihan raya dan sokongan rakyat nampak positif. Syukurlah isu kasino di Bukit Tinggi diselesaikan cepat oleh Perdana Menteri. Kalau tidak ia akan

dijadikan isu besar oleh Pas. Isu itu sebenarnya berpunca daripada persaingan dua syarikat yang mengendalikan perjudian dan satu daripadanya

menyalahgunakan permit yang dikeluarkan. Itulah punca masalahnya tetapi sudah diselesaikan apabila Kementerian Kewangan membatalkan lesen premis terbabit.

Adakah budaya cah keting atau politik cantas mencantas terus wujud dalam Umno?

Sebab itu saya kata, kalau nawaitu masuk Umno kerana nak jawatan atau merebut kuasa, maka cantas mencantas akan berlaku di mana-mana. Inilah budaya yang kita harus hentikan. Sebab itu juga Umno tidak boleh nak isytiharkan calonnya tiga bulan sebelum pilihan raya. Kalau tahu siapa jadi calon, dia korek dosa calon itu sejak belum lahir lagi. Itulah gambarannya sikap ini. Sikap macam ini cukup susah hingga menyebabkan Dr Mahathir terpaksa rahsiakan (nama calon) hingga saat akhir. Ikhlas saya kata, kalau saya diberitahu awal kena bertanding di Parit pada pilihan raya 1999, saya akan cari orang Parit untuk bertanding, saya tak payah bertanding tak apa, sebab saya sayangkan Parit, yang tak pasal-pasal jatuh

kepada pembangkang. Dalam politik ini jadi satu budaya terutama apabila berkuasa. Saya dengar Kerajaan Pas Terengganu juga kini menghadapi situasi

itu.

Bagaimana Tan Sri melihat pembebasan pemimpin Keadilan daripada tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) baru-baru ini, mungkinkah parti itu berupaya memberi cabaran sengit kepada Barisan Nasional (BN)?

Saya melihat Keadilan kini tidak lagi sekuat seperti ia mula ditubuhkan.

Kita juga lega mereka dibebaskan daripada ISA kerana jika tidak, lanjutan

tahanan mereka pasti dijadikan isu ketika pilihan raya kelak.

Bagaimana Tan Sri melihat perubahan sikap generasi muda termasuk golongan

intelektual serta kakitangan kerajaan kepada Umno ketika ini?.

Saya melihat anak muda hari ini cukup bersemangat untuk masuk Umno, termasuk di kalangan anak muda yang baru balik dari luar negara.

Kadangkala mereka tidak dapat atau susah nak jadi ahli terutama di kampung-kampung. Masalahnya apabila isi borang mereka pula berkata: "Ha!

esok boleh lawan ketua cawangan." Apabila timbul ayat macam itu, orang tua-tua dalam Umno cawangan mula tak sedap hati. Janganlah begitu! Kita masuklah dan buktikan kebolehan, biar ahli menilai dan akhirnya kita akan dapat tempat.

Dulu saya masuk Umno pada 1972 tidak pernah fikir jadi ketua, tapi ahli menilai cara kita bekerja untuk parti, akhirnya menyokong saya supaya jadi ketua. Biar orang menilai keupayaan dan keikhlasan kita. Itu nasihat saya untuk anak muda. Ketika ini Puteri Umno sudah ada 120,000 ahli, Pemuda Umno pula hampir 400,000. Kebanyakan anak muda kini mempunyai kebolehan dari segi akademik, tak macam dulu ketika saya masuk Umno, saya seorang yang ada ijazah, di sekeliling setakat guru.

Jadi harapan anak muda yang masuk Umno kini, mereka bukan setakat mahu meramaikan ahli atau terhad kepada pukul kompong dan pegang bunga manggar, sebaliknya mereka nak menyertai politik itu sendiri. Kita kini kena sediakan pentas untuk mereka berpolitik di peringkat cawangan dan bahagian, bukan setakat memanggil mereka ketika ada majlis saja. Sebab itu saya adakan kursus demi kursus untuk Puteri dan Pemuda bagi dedahkan mereka kerana tak lama lagi mereka akan ambil alih kepimpinan. Mungkinkah ruang untuk anak muda aktif dalam politik Umno tak cukup?

Saya fikir apa yang ada setakat ini tidak benar-benar memuaskan hati mereka. Mereka mahu terlibat lebih daripada yang ada, bukan setakat gantung poster untuk Pemuda, atau ikut Wanita Umno jadi peraih undi untuk Puteri, sebaliknya mereka mesti boleh jadi penceramah untuk naik pentas berdepan dengan pengundi. Jangan harap yang veteran saja. Saya mula berada atas pentas ceramah politik sejak 1974 untuk berdepan dengan khalayak yang ramai. Penceramah muda kini tak payah nak maki Pas, sebaliknya cukup memberi penjelasan apa makna kemerdekaan kepada mereka. Apa nikmat lahir selepas merdeka, dari segi pendidikan, kerjaya, peluang niaga. Saya rasa mereka perlu didedahkan. Masalahnya sekarang Pemuda Umno kelihatan tidak mempunyai penceramah yang baik (orator)?

Dulu kebanyakan Exco Pemuda Umno memegang jawatan politik seperti menjadi Setiausaha Politik kepada pemimpin peringkat negeri dan Pusat, dan setiap setiap hari terbabit dengan urusan politik tetapi hari ini, 80 peratus ahli perniagaan. Jadi itu bezanya, berapa kerat saja daripada mereka menjadi setiausaha politik atau terlibat dengan politik sepenuh masa.

Ramai pemimpin Pemuda pula berkata, mereka tidak diberi peluang?

Sebenarnya pelbagai sesi atau forum boleh disediakan untuk membolehkan pemimpin muda mendekati masyarakat, terutama di kalangan anak muda di universiti dalam dan luar negara yang sentiasa dahagakan maklumat dan dialog. Apa yang perlu dilakukan mereka ialah mencipta situasi atau ruang

untuk mereka mendampingi golongan berkenaan.

Ada pihak berpendapat anak muda masuk Umno kini lebih mengutamakan apa yang boleh diperoleh daripada Umno?

Siapa yang masuk parti politik seperti Umno kerana ada agenda peribadi seperti nak jadi ketua cawangan, bahagian atau ahli jawatankuasa serta nak

dapat projek, dia akan berasa kecewa sepanjang masa. Mereka yang masuk atas kerelaan hati kerana percaya ideologi politik dan berbakti kepada parti, dia akan sentiasa berasa selesa. Kalau kita lihat semua pucuk pimpinan kita, bukan menjadi agenda mereka untuk jadi Perdana Menteri ketika menyertai Umno, tetapi masa dan keadaan yang menolak mereka kepada

kedudukan itu. Tunku Abdul Rahman Putra tidak pernah menyangka Datuk Onn Jaafar akan letak jawatan. Tun Razak (Tun Razak Hussein) ambil alih selepas 13 Mei 1969. Masa itu Sultan Kedah pula naik jadi Yang di-Pertuan

Agong, macam mana pula Tunku Abdul Rahman nak jadi PM. Setiap kali masuk Istana Negara, baginda terpaksa tunduk kepada dia, tiada siapa sangka Tun

Razak akan pangu tugasnya.

Tun Hussein Onn tak pernah mimpi menjadi Timbalan Perdana Menteri kalau

tidak kerana Tun Dr Ismail Abdul Rahman (yang tiba-tiba meninggal dunia lebih awal daripada Tun Abdul Razak. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang suatu ketika Naib Presiden nombor tiga dilantik sebagai Perdana Menteri. Begitu juga Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) pula lepas ini bakal Perdana Menteri, sedangkan sebelum ini ada Tan Sri Musa Hitam, Tun Ghafar Baba dan Datuk Seri Anwar Ibrahim. Semua pucuk pimpinan kita tidak ada agenda.

Saya sendiri cukup seronok dengan pengalaman yang dilalui sebagai ahli politik mencapai tahap menteri. Saya tidak minta walaupun setakat ini, ada

tujuh pingat Datuk, dua Datuk Seri dan satu Tan Sri, saya tidak pernah isi

borang. Nawaitu (niat) kalau masuk politik, tolong jangan ada agenda peribadi kecuali untuk berkhidmat kepada parti. Kalau tidak kekecewaan akan sentiasa menghantui kita dan keadaan itu menyebabkan kita tidak dapat

jadi pemimpin yang baik.

Bagaimanakah usaha Umno menubuhkan bahagian baru berikutan proses persempadanan semula kawasan pilihan raya yang sedang berjalan?

Tiada sebarang masalah. Katalah cawangan yang ketua bahagian berada dalam bahagian lama selepas persempadanan itu, cawangan timbalannya pula masuk bahagian baru, maka kita lantiklah dia (timbangan) jadi ketua penaja

kawasan baru.

Ada pemimpin Umno peringkat bahagian cenderung menonjolkan diri dengan harapan mereka dipilih menjadi ketua penaja. Setakat mana perkembangan ini?

Memang ada yang melobi tetapi Jawatankuasa Pengurusan Umno mempunyai mekanisme untuk melantik ketua penaja bahagian baru ini, termasuk memberi

pertimbangan kepada mereka yang dinamakan oleh bahagian kepada Badan

Perhubungan Umno negeri yang diserahkan kepada ibu pejabat Umno pusat untuk pertimbangan. Secara umumnya, kita akan lantik pemimpin paling senior yang termasuk dalam bahagian baru itu.

Bagaimana Tan Sri melihat perkembangan pada Puteri Umno, pada masa kini?

Alhamdulillah!. Mereka kelihatan bersemangat tetapi jangan kita lunturkan mereka tanpa menyediakan program yang sesuai dengan selera mereka. Kehendak semangat mereka ini harus kita tampung. Jangan sesekali kita luntur semangat mereka. Kita mesti pandai sediakan program untuk mereka kerana ia akan menarik lebih ramai ahli memasuki Puteri Umno.

Kita

juga kena dapatkan maklumat daripada pihak ketiga iaitu mereka yang berada

di luar parti walaupun menyokong kita, untuk mengukuhkan parti. Bagi saya, sejarah sudah membuktikan hanya Umno wadah untuk memartabatkan kekuasaan orang Melayu di Malaysia.

Apa yang dapat kita lihat seolah-olah wujud `pergeseran' antara Wanita dan

Puteri Umno?

Pergeseran itu tidak ada. Yang ada hanya perasaan siapa yang lebih dari

siapa saja. Itu saja. Kita kena ingat, suatu hari nanti ahli Puteri juga apabila sampai masa akan beralih dan menyertai Wanita pula.

Tidakkah situasi sebegini negatif untuk Umno?

Tidak, masing-masing cuba menonjolkan pergerakan mereka dengan aktiviti

tersendiri dalam usaha menarik sokongan dan perhatian masyarakat. Ia adalah persaingan yang positif. Mereka sentiasa melihat ke depan.

Perkembangan Wanita dan Puteri Umno umpama `ribut dalam cawan'.

Perhimpunan Agung Umno minggu ini adalah yang terakhir bagi Datuk Seri Dr

Mahathir Mohamad sebagai Presiden sebelum meletak jawatan pada Oktober ini?

Saya sudah bersama dan berkhidmat dengan beliau hampir 30 tahun dan mendapati beliau adalah manusia yang luar biasa. Namun, dia tidak mahu jasanya dikenang dengan memaksa orang mengenang jasanya. Sebab itu dia tidak mahu namanya diabadikan pada jalan, bangunan atau yayasan.

Bila saya sebut cadangan seumpama itu, beliau kata: "I'm not Saddam Hussein." Pada Dr Mahathir terpulanglah kepada rakyat untuk mengenangnya dengan cara tersendiri. Apabila dia rasa dirinya dah sampai nak bersara, dia nak peristiwa itu berlalu tanpa perkembangan luar biasa yang harus dilakukan Umno walaupun pada kali ini adalah perhimpunan terakhirnya sebagai presiden.

Dr Mahathir pernah berkata, kalau nak letakkan gambar Presiden Umno sebagai memberi penghormatan, dia mahu letakkan semua gambar Presiden Umno, bukan dia seorang. Dia tidak mahu keistimewaan seolah-olah nak mendewa-dewakan dia atau memberi penghormatan tinggi kepadanya. Beliau sudah memberitahu perkara itu dalam mesyuarat kerana mahu segalanya berjalan macam biasa kerana berasakan ini adalah masanya untuk berundur. Saya juga ingatkan Dr Mahathir, bersaralah ketika rakyat masih sayang kepada kita. Apabila kita bersara dalam keadaan macam ini, kita dapat menikmati persaraan itu. Apabila rakyat dah benci macam Suharto (bekas Presiden Indonesia), nak keluar pergi Jakarta pun tak boleh. Jangan jadi macam Marcos (bekas Presiden Filipina), mati di luar negeri, kemudian nak

bawa balik mayat pun, rakyat tak mahu terima. Mereka itu tidak tahu bila harus bersara.

Kita sendiri nak lihat rakyat akan terus menghargai beliau selepas persaraan kerana itu adalah nikmat persaraan. Bagi Dr Mahathir juga, jangan ada perbandingan antara beliau dengan penggantinya kerana masing-masing ada perbezaan. Nyior setandan atau pisang sesikat pun tak sama. Saya selalu berkata kepada Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi), dalam relay team, bukan semua empat pelari itu ada keupayaan berlari yang sama, tetapi apa yang penting team itu menang. Perdana Menteri kini kelihatan lebih berterus terang dalam menyampaikan mesejnya kepada rakyat?

Beliau kini berada dalam keadaan yang lebih relaks dan kelihatan gembira nak bersara berbanding selama ini kerana beliau begitu serius memikirkan pelbagai masalah yang dihadapi negara. Pembangkang pula nampaknya seolah-olah mahu Dr Mahathir membatalkan cadangan persaraan supaya mereka boleh mainkan isu itu?

Tak boleh sebab Dr Mahathir memang nak bersara. Dia sudah hantar surat kepada semua pemimpin dunia, kalau tak jadi bersara, ia akan jadi sesuatu yang cukup memalukan, kecuali sesuatu yang tidak dapat dielakkan yang ditakdirkan Allah SWT. Dari segi zahir setakat ini, apa yang saya lihat daripada keputusan yang sudah dibuatnya itu, dia pasti bersara selepas mesyuarat Pertubuhan Persidangan Negara Islam (OIC) ini. Kita boleh kata beliau pasti bersara mulai 1 November sebab OIC habis mesyuarat 26 Oktober.

Ada pihak seolah-olah mempertikai keupayaan Datuk Seri Abdullah untuk mengambil alih jawatan kedudukan Dr Mahathir?

Kita tidak boleh pertikaian keupayaan Pak Lah kerana beliau ada stail sendiri. Dari segi politiknya, segala sepak terajang dia sudah rasai, termasuk disingkir daripada Kabinet juga sudah dilaluinya. Malah, pada satu ketika, beliau terpaksa menjual rumahnya untuk survive. Kehidupannya

dalam politiknya bermula sejak 1978. Kita jangan ragu-ragu terhadap keupayaan Pak Lah. Kita juga kena kasihan kepada Dr Mahathir kerana pada masa persaraannya kelak, dia berusia 78 tahun 3 bulan.

Tan Sri melihat proses peralihan kuasa dapat berjalan dengan lancar, sedangkan khabar angin tersebar luas mengenai usaha pihak tertentu melobi

jawatan nombor dua selepas itu?

Kita kena serahkan kepada Pak Lah untuk pilih siapa yang sesuai.

Beliau

pasti mempunyai pertimbangan politik dan peribadi sendiri. Dalam membuat keputusan, beliau pasti mengutamakan kepentingan Umno supaya sejarah perpecahan tidak berulang. Beliau bukan setakat seorang intelektual tetapi

memiliki kebijaksanaan. Saya berpendapat, kita perlu menyerahkan sepenuhnya kepada beliau untuk memilih timbalannya. Saya selalu mengingatkan beliau supaya sentiasa menjadi dirinya dan bukan orang lain.

Saya bercakap sebagai seorang yang tiada kepentingan peribadi kerana sudah

pencen daripada arena politik kecuali menyumbang khidmat kepada parti.

Baru-baru ini Ketua Umno bahagian Tasek Gelugor, Pulau Pinang, Datuk Seri

Mohd Shariff Omar mahu melaksanakan pendekatan setiap ahli baru yang dapat

dibawa oleh ahli lain dibayar RM3?

Tindakan itu salah! Janganlah nilaikan Umno begitu murah sekali.

Biarlah

orang masuk Umno bukan kerana duit. Orang kutip atau ajak kawan masuk Umno

bukan kerana duit, tetapi semangat percaya kepada perjuangan parti Setakat mana usaha dijalankan bagi memastikan semua ahli Umno mendaftar sebagai pengundi kerana baru-baru ini, dilaporkan 100,000 ahli Pemuda masih belum mendaftar sebagai pengundi?

Saya rasa masa belum lewat untuk semua ahli Umno untuk mendaftar sebagai

pengundi ketika ini. Ia menjadi tugas semua cawangan, bahagian, Wanita, Pemuda dan Puteri untuk memastikan setiap ahli di kawasan masing-masing sudah mendaftar sebagai ahli. Ketika ini, masih ada ruang untuk mendaftar

mengundi dan sempat untuk pilihan raya akan datang. Usaha ini mesti disegerakan.

Bagaimana prestasi wakil rakyat Umno dari segi memenuhi kehendak rakyat di

kawasan masing-masing kerana ada wakil rakyat yang selesa duduk di Kuala Lumpur, jauh dari kawasan yang diwakilinya?

Saya terima banyak rungutan daripada orang ramai mengenai perkara ini. Setiap wakil rakyat mesti memahami bahawa untuk memenangi pilihan raya, dua faktor menjadi teras utama. Satu, wujudnya Umno dalam kawasan itu dirasakan oleh rakyat. Ketika sakit demam, kenduri, mati, bencana alam, pemimpin Umno mesti ada di sana. Apabila kenduri, ada pasukan bergotong royong, apabila kematian ada ahli Umno yang boleh uruskan, apabila bencana

alam, Pemuda Umno akan ada di sana untuk membantu. Apabila rakyat rasa Umno itu wujud dengan aktif, kawasan itu pasti selamat. Keduanya, prestasi

wakil rakyat. Selagi ada rakyat di situ, maka wakil rakyat akan menjadi pakar rujuk meskipun soal kecil, termasuk sokongan buku teks tetapi bagi rakyat itulah masalah mereka. Ketika penduduk susah, wakil rakyat ada di sana untuk membantu mereka. Inilah pengalaman saya selama empat penggal jadi wakil rakyat. Kalau dua faktor ini ada, sukar untuk wakil rakyat kita

kalah.

Mungkinkah Umno akan menggantikan wakil rakyat yang gagal mainkan peranan

ini pada pilihan raya akan datang?

Kita ada maklum balas mengenai prestasi semua wakil rakyat. Mereka yang

gagal akan diganti atau dibersarakan. Seperti dinyatakan Naib Presiden, Datuk Seri Najib Razak, adalah biasa kita menamakan 20 hingga 30 peratus muka baru pada pilihan raya akan datang. Mereka diganti kerana pelbagai sebab termasuklah bersara atau memberi peluang kepada pemimpin baru.

Pada

masa kini, keadaan ini cukup sensitif, malah isteri wakil rakyat juga mesti memahami peranan masing-masing menjaga imej suami dengan

memastikan  
mereka sentiasa mudah didampingi oleh masyarakat di kalangan ahli parti  
dan pengundi kawasannya.